

Dana BNM untuk PKS:

Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau

(High Tech and Green Facility, HTG)

Objektif

Membantu PKS dan syarikat baharu yang inovatif dalam mengembangkan perniagaan mereka serta melabur dalam sektor strategik dan bidang teknologi (teknologi digital, teknologi hijau dan bioteknologi) untuk pemulihan ekonomi yang mampan

Ciri-ciri Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (HTG)

Kriteria kelayakan	PKS* Malaysia dalam sektor yang berikut: **Perkilangan** • Elektrik dan Elektronik (E&E) • Kimia • Petroleum bertapis • Jentera dan Peralatan (M&E) • Peranti perubatan dan farmaseutikal • Peralatan automotif dan pengangkutan *(termasuk aeroangkasa; pengilang kenderaan dan komponen)* **Perkhidmatan** • Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) • Penyelidikan dan Pembangunan **ATAU** Perniagaan (termasuk syarikat permulaan yang bersedia secara komersil) yang terlibat dalam menyediakan penyelesaian yang mengaplikasikan teknologi: **Teknologi hijau** • Tenaga diperbaharui dan cekap tenagaTransportation • Pengangkutan *- Pengangkutan guna tenaga diperbaharui, kenderaan elektrik, pembangunan bateri* • Sumber semula jadi *- Pengurusan air dan sisa yang mapan* *- Pencegahan pencemaran dan pemuliharaan akuatik* • Ekonomi kitaran *- Guna semula, kitar semula dan mengilang semula* *- Memanfaatkan bahan buangan/sisa dan aset terkandas* • Teknologi agro *- Ladang pintar dan automatik* *- Ladang menegak* *- Ladang guna pakai dron, IoT dan analitis data besar* • Teknologi karbon rendah *- Teknologi pelepasan karbon rendah (penyimpanan, pengggunaan dan penangkapan karbon (CCUS), hidrogen karbon rendah)* **Teknologi digital dan 4IR** • Perkilangan pintar *(penyelesaian berasaskan IoT)* • Kecerdasan buatan (AI) • Analitis data besar • Realiti maya/ augmentasi • Robotik • Teknologi dron • Infrastruktur kesalinghubungan dan luas *(5G, blockchain, pemkomputeran awan)* • Percetakan 3D • Pembangunan perisian *(teknologi kesihatan digital, e-dagang, platfom pembayaran dan teknologi kewangan, penyelesaian mobiliti permainan)* **Bioteknologi** • Teknologi neuro • Biokesihatan *(genetik)* • Biosains *(penambahbaikan tanaman dan hasil tuai)* **ATAU** • PKS dan syarikat permulaan dalam program utama Kerajaan berkaitan inovasi dan pengkomersilan pelbagai teknologi penting (sebagai contoh, teknologi hijau, teknologi digital, teknologi berkaitan 4IR dan bioteknologi). Senarai program tersebut boleh dirujuk di www.bnm.gov.my/funds4sme dan dikemas kini secara berkala. Nota: 1. Penerima Kemudahan Bantuan Khas (SRF), Pembiayaan PKS PENJANA (PSF) dan/atau Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) adalah layak untuk memohon HTG, bagi membiayai perbelanjaan modal dan modal kerja. 2. Peserta program digalakkan untuk mendapatkan surat daripada agensi masing-masing bagi memudahkan proses pengesahan oleh bank.
Tujuan pembiayaan	• Modal kerja; dan/atau • Perbelanjaan modal (Capital Expenditure-CAPEX)
Saiz pembiayaan	Sehingga RM10 juta
Kadar faedah pembiayaan untuk PKS	• Sehingga 3.5% setahun untuk pembiayaan tanpa jaminan; atau • Sehingga 5% setahun, termasuk yuran jaminan
Tempoh	Sehingga 10 tahun
Prosedur permohonan	Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.
Tempoh tamat permohonan	Sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya

* Pegangan saham oleh warganegara Malaysia sekurang-kurangnya sebanyak 51% dan seperti yang ditakrifkan oleh SME Corporation Malaysia (mengikut Garis Panduan Baharu PKS) serta boleh diakses melalui: https://smecorp.gov.my/images/pdf/2024/Garis_Panduan_bagi_Definisi_PKS_Mac_2024_Akhir.pdf

Untuk maklumat lanjut

Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta

Layari laman sesawang institusi kewangan peserta

Pembiayaan PKS: https://bnm.gov.my/sme-financing
Dana BNM untuk PKS: https://www.bnm.gov.my/funds4sme
BNM eLINK: https://bnmlink.bnm.gov.my

Inisiatif:

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyedia jaminan kredit:

CGC SJPP